

KUOTA HAJI



[FOTO MIKAIL ONG/BH]

Bantu percepat giliran senarai menunggu

Kuantan: Keputusan Kerajaan Arab Saudi menarik balik pengurangan kuota jemaah haji bermula tahun ini membantu mempercepatkan giliran senarai jemaah menunggu sebelum ini, sekali gus memberi peluang lebih ramai yang ingin menunaikan haji.

Suri rumah, Norhaini Harun, 51, berkata pengurangan kuota dilaksanakan sejak 2013 itu menyebabkan jumlah jemaah dalam senarai menunggu meningkat dan mengambil masa lama bagi mereka yang baru saja mendaftar sebagai jemaah haji.

“Penerimaan balik pengurangan kuota ini memberi peluang mereka yang sudah lama menunggu untuk menunaikan ibadah haji lebih awal terutama warga emas,” katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Lebih ramai tunai haji

Abdul Azeez (dua dari kiri) menerima sumbangan tudung daripada Pengerusi NGO Islam Pulau Pinang, Datin Farizan Othman (tiga dari kiri) selepas melancarkan Misi Kemanusiaan ke Myanmar di Bayan Baru, Pulau Pinang, semalam.

Malaysia minta 30,000 kuota jemaah haji

BH
8/1/2017
mls 9

**Fakta
nombor**

RM9,980

KOS
menunaikan haji

RM200

JUTA
subsidi kerajaan
kepada jemaah



Keratan akhbar
BH, semalam.

Kakitangan awam, Othman Mohamad, 51, berkata keputusan Kerajaan Arab Saudi itu juga membolehkan lebih ramai umat Islam menunaikan ibadah haji berbanding sebelum ini.

“Usaha kerajaan itu juga turut membuka peluang kepada mereka yang baru mendaftar mendapat tempat dalam senarai menunaikan haji dengan lebih mudah dan cepat,” katanya.

Sementara itu, anggota tentera di Kem Sungai Udang, Melaka, Rizuan Seman, 37, berkata tindakan mengembalikan kembali jumlah jemaah kepada kuota asal dapat membantu melancarkan proses melaksanakan Rukun Islam kelima itu.

“Kuota asal ini memberi peluang menunaikan haji dalam tempoh lebih awal berbanding sebelum ini, selain tidak perlu risau mengenai soal keselamatan dan keselesaan ketika menunaikan ibadat berikutan projek pembesaran Masjidil Haram yang hampir siap,” katanya.

Oleh Kalsom Rahmathulah
bhnews@bh.com.my

Bayan Lepas

Permohonan Malaysia untuk mendapat pertambahan kuota haji 30,000 dijangka diketahui pada mesyuarat dengan Kerajaan Arab Saudi 25 Januari ini.

Pengerusi Lembaga Tabung Haji (TH), Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim, berkata perkara itu akan dimuktamadkan pada pertemuan antara Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom dan TH bersama wakil Kerajaan Arab Saudi.

Katanya, kuota 30,000 itu dianggap sesuai kerana mewakili kira-kira 0.01 peratus daripada jumlah penduduk Malaysia yang kini sudah melebihi 30 juta orang.

“Ketika ini, Malaysia hanya dibekalkan kuota 22,320 orang yang dianggap tidak seimbang dengan jumlah penduduk. Saya menjangka kita bakal mendapat maklum balas positif daripada Arab Saudi berikutan jumlah rakyat Malaysia sudah melebihi 30 juta orang.

“Peningkatan kuota ini akan mem-

bantu lebih ramai rakyat Malaysia yang sudah lama menunggu giliran mengerjakan haji berpeluang menunaikan ibadah berkenaan tahun ini,” katanya pada sidang media selepas melancarkan Misi Kemanusiaan ke Myanmar di sini, semalam.

Kelmarin, Arab Saudi memutuskan menarik balik pengurangan kuota jemaah haji mulai tahun ini termasuk sudah membuat persiapan menerima pertambahan jumlah jemaah yang menunaikan haji tahun ini.

Jumlah dimohon mencukupi

Abdul Azeez berkata, jumlah yang diminta Malaysia dianggap mencukupi berdasarkan tempoh menunggu yang ditetapkan TH ketika ini.

“Kita harap orang ramai tidak perlu menunggu terlalu lama bagi menunaikan haji, selain dapat memberi lebih banyak peluang golongan muda mendaftar menunaikan ibadah ini.

“Kerajaan juga memberi subsidi RM200 juta kepada jemaah haji bagi memastikan kos mengerjakan haji kekal RM9,980, walaupun kos sebenarnya mencecah hampir RM20,000 seorang,” katanya.

➔ Permohonan dijangka diketahui pada mesyuarat dengan Kerajaan Arab Saudi 25 Januari